



JABATAN KEWANGAN HCTM • FINANCE DEPARTMENT OF HCTM

Rujukan : UKM HTM.3/224/2/4

Tarikh : 29 Julai 2026

SURAT EDARAN KEWANGAN BIL. 10/2026

Ketua/ Pengurus
Jabatan/ Pusat/ Bahagian/ Unit
Hospital Canselor Tuanku Muhriz
Kampus Kuala Lumpur

YBhg. Prof./ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

HEBAHAN INFOGRAFIK MENGENAI PELUPUSAN ASET ALIH HCTM YANG MASIH BOLEH DIGUNAKAN

Dengan hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa hebahan ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran serta memberi panduan kepada YBhg. Prof./ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan mengenai tatacara pengurusan pelupusan aset alih yang sistematik dan berkesan selaras dengan Pekeliling Bendahari Bil. 6/2025: *Tatacara Pengurusan Aset Alih Universiti*, Bab B – Pelupusan.


3. Bersama-sama ini disertakan infografik berkenaan untuk rujukan. Sukacita pihak YBhg. Prof./ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dapat memaklumkan perkara ini kepada kakitangan di bawah seliaan. Sebarang pertanyaan lanjut, boleh berhubung dengan Unit Aset, Jabatan Kewangan di sambungan 5204/ 5203/ 5202 atau e-mel ke unitaset@hctm.ukm.edu.my.

Kerjasama dan perhatian YBhg. Prof./ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan terima kasih.

Sekian.

“Cekap, Pantas, Mesra”

Yang benar,


SURAYA BINTI ABDUL HAMID C.A. (M)

Ketua
Jabatan Kewangan
Hospital Canselor Tuanku Muhriz



UNIT ASET, JABATAN KEWANGAN

HOSPITAL CANSELOR TUANKU MUHRIZ, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Tingkat 2, Blok Klinikal, Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak, 56000 Cheras, Kuala Lumpur

Tel.: +603-9145 5204 / 5200 / 5203 / 5202 E-mel: unitaset@hctm.ukm.edu.my Web: <http://kewangan.hukm.ukm.my>

IMAN ILMU AMAL

www.ukm.my

- s.k. - **YBhg. Prof. Dato' Dr. Razman bin Jarmin**
Pro Naib Canselor, Kampus Kuala Lumpur
- **YBhg. Dato' Dr. Azmi bin Baharudin**
Pengarah, Hospital Canselor Tuanku Muhriz
- **Pegawai Aset**
Hospital Canselor Tuanku Muhriz
- **Pegawai Pemeriksa Aset**
Hospital Canselor Tuanku Muhriz





ASET ALIH HCTM

DALAM PROSES PELUPUSAN, ADAKAH MASIH BOLEH DIGUNAKAN?



i Selagi pelupusan belum selesai, Aset Alih HCTM masih kekal sebagai aset HCTM.

APA MAKSUD?



Aset Alih HCTM telah dikenal pasti dan diperakukan untuk pelupusan.

Proses pelupusan masih dalam tindakan dan belum dimuktamadkan.

PROSES PELUPUSAN (RINGKAS)



Sehingga proses pelupusan selesai dan rekod aset dikemas kini (Langkah 6), aset masih kekal sebagai Aset Alih HCTM.

BILAKAH ASET ALIH HCTM BOLEH DIGUNAKAN?

Aset Alih HCTM boleh terus digunakan sementara menunggu pelupusan selesai, tertakluk kepada syarat berikut:

- ✓ Aset Alih HCTM disahkan atau diperakukan SELAMAT DIGUNAKAN oleh Jawatankuasa Pemeriksa atau pihak teknikal yang lain mengikut kategori aset.
- ✓ Penggunaan tidak bercanggah dengan arahan Jawatankuasa Pelupusan atau Pegawai Pengawal.
- ✓ Aset masih diperlukan untuk kelangsungan operasi jabatan.
- ✓ Rekod aset masih dikekalkan sehingga pelupusan benar-benar dilaksanakan.

BILA TIDAK BOLEH DIGUNAKAN?

Aset Alih HCTM **TIDAK BOLEH** digunakan jika:

- ✗ Telah disahkan **TIDAK SELAMAT** atau berisiko oleh Jabatan Pengurusan Prasarana atau pihak teknikal yang lain mengikut kategori aset.
- ✗ Dalam keadaan rosak teruk dan tidak sesuai digunakan.
- ✗ Telah diarahkan supaya tidak digunakan (contohnya menunggu pemusnahan).
- ✗ Penggunaan boleh mendatangkan risiko kepada keselamatan, kesihatan atau harta benda.



ASAS RUJUKAN



- Tatacara Pengurusan Aset Alih HCTM (AM 2) Bab Pelupusan
- Manual Kawalan Operasi (MKO) Kewangan
- Manual Pusat Tanggungjawab (MPT)
- Pekeliling dan arahan berkaitan yang dikuatkuasakan

PRINSIP UTAMA



Gunakan Aset Alih HCTM secara bertanggungjawab semasa dalam proses pelupusan untuk memastikan nilai, keselamatan dan kelangsungan perkhidmatan terpelihara.

KENAPA DIBOLEHKAN?



PENGURUSAN SUMBER
Memaksimumkan penggunaan aset sedia ada sehingga aset pengganti tersedia.



PROSES PELUPUSAN
Pelupusan memerlukan masa untuk kelulusan, iklan, pelupusan dan pelaporan.



KEPERLUAN OPERASI
Mengelakkan gangguan perkhidmatan dan memastikan kelangsungan tugas jabatan.



- KOMITMEN JABATAN**
- ✓ Menyelesaikan proses pelupusan secepat mungkin.
 - ✓ Menghentikan penggunaan aset apabila pelupusan selesai atau jika aset tidak selamat digunakan.
 - ✓ Memastikan hanya aset yang selamat digunakan.



Sebarang pertanyaan boleh hubungi
Unit Aset, Jabatan Kewangan, HCTM di unitaset@hctm.ukm.edu.my



UNIVERSITI
KEBANGSAAN MALAYSIA
The National University of Malaysia



HCTM
HOSPITAL CANCELO TUANKU MUHRIZ